

Tuduhan bahasa Cina diabai tidak berasas

KUALA LUMPUR 26 Nov. - Perkembangan berterusan bahasa Cina dalam institusi pendidikan negara selama ini membuktikan dakwaan Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) kononnya kerajaan mengabaikan bahasa ibunda kaum itu, adalah tidak berasas.

Bekas Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Tan Sri Dr. Nik Mustapha R. Abdullah** berkata, dakwaan itu hanya menggambarkan sikap negatif Dong Zong terhadap usaha pembaharuan yang cuba diperkenalkan oleh kerajaan dalam sistem pendidikan negara.

Menurutnya, tindakan menuduh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 mahu merosakkan bahasa dan sistem pendidikan sekolah Cina tanpa sebarang bukti adalah tidak wajar.

"Selama ini kita tidak nampak ada usaha daripada mana-mana pihak untuk membantut perkembangan pendidikan sekolah Cina dan bahasa Cina sendiri, jadi tidak patut ada isu dalam hal pelan pendidikan yang baru dikeluarkan itu."

"Perkembangan berterusan bahasa Cina di institusi pendidikan negara telah menunjukkan bahawa kerajaan terus menyokong pendidikan bahasa itu tanpa prejudis," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas dakwaan pertubuhan itu kononnya pembaharuan pendidikan oleh kerajaan dalam PPPM bertujuan merosakkan bahasa Cina dan masa depan sekolah Cina.



DR. NIK MUSTAPHA

Sementara itu Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara (MPN), **Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak** berkata, tindakan Dong Zong itu boleh mengelirukan masyarakat terhadap usaha murni kerajaan mentransformasi sistem pendidikan negara.

"Apa yang saya bimbangkan ialah tindakan tersebut didorong oleh sentimen politik demi kepentingan pihak tertentu.

"Tidak ada fakta dalam pelan tersebut yang mengatakan kerajaan akan menyekat pendidikan sekolah Cina, jadi tidak ada sebab mengapa Dong Zong memilih untuk bersuara dalam hal ini," katanya.